

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS : KEJURUTERAAN PEMBINAAN
KOD KURSUS : DAC 32003
KOD PROGRAM : DAA
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN / JULAI 2016
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

SULIT

S1

- a) Asas merupakan struktur bangunan yang berperanan memindahkan dan menyebarkan berat dan beban bangunan ke bahagian tanah yang paling selamat.

Jelaskan **Empat (4)** contoh bahan yang disediakan dan digunakan semasa kerja pengorekan asas pad dijalankan.

(8 markah)

- b) Ujian runtuh kun merupakan ujian yang biasa dilaksanakan ke atas konkrit di tapak. Jelaskan **Tiga (3)** jenis runtuh kun.

(6 markah)

- c) Lakarkan dan huraikan secara ringkas asas-asas berikut:

- (i) Asas jalur lebar
- (ii) Asas rakit rasuk padu
- (iii) Asas rakit bersel

(6 markah)

S2

- a) Terangkan **Empat (4)** kelebihan menggunakan kotak acuan aluminium berbanding kotak acuan konvensional.

(8 markah)

- b) Lakarkan dan labelkan kotak acuan untuk rasuk yang bersambung dengan papak.

(6 markah)

- c) Anda bertugas sebagai Penyelia Tapak di sebuah tapak bina. Mengikut perancangan kerja, satu kerja konkrit lantai di tingkat 2 akan dijalankan pada hari berikutnya. Anda perlu memastikan semua peralatan dan loji disediakan bagi memastikan kelancaran kerja tersebut. Senaraikan **Tiga (3)** peralatan tidak berjentera dan **Tiga (3)** peralatan berjentera yang akan digunakan bagi kerja tersebut.

(6 markah)

- S3**
- a) Jelaskan **Dua (2)** fungsi perancah.
(4 markah)
- b) Terangkan **Tiga (3)** jenis perancah kerja ringan dan rendah.
(6 markah)
- c) Lakarkan dan jelaskan jenis-jenis jermang berikut;
(i) Jermang sadak
(ii) Jermang lintang tunggal
(10 markah)
- S4**
- a) Jelaskan **Empat (4)** perkara yang perlu diberi perhatian di dalam pembinaan tiang.
(8 markah)
- b) Pembinaan bagi papak padu adalah daripada beberapa bahan lapisan.
(i) Nyatakan **Lima (5)** bahan lapisan yang terlibat.
(5 markah)
(ii) Dengan bantuan lakaran, tunjukkan lapisan tersebut bagi papak padu.
(7 markah)
- S5**
- a) Jelaskan **Lima (5)** kepentingan sambungan pada sesuatu struktur.
(10 markah)
- b) Terangkan dan lakarkan **dua (2)** jenis sambungan pada struktur konkrit.
(10 markah)

- SOALAN TAMAT -